

Uji kaji angkasawan negara di ISS

Enzim mampu dikomersialkan

>>Oleh Hayati Ibrahim
ya_tf@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: Uji kaji pengkristalan protein yang dijalankan angkasawan negara, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS), Oktober tahun lalu, membuktikan enzim terhasil dapat dikomersialkan secara meluas terutama dalam industri oleochemical, farmaseutikal, bahan pencuci dan makanan tambahan.

Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah), Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Raja Noor Zaliha Raja Abd Rahman, berkata keputusan daripada uji kaji berkenaan membuktikan mikrograviti memberi kesan positif kepada protein, sekali gus menjadikan kristal yang terbentuk membesar dua kali ganda berbanding uji kaji di bumi.



FOTO | David Khoo

BANGGA...(dari kanan) Dr Raja Noor Zaliha, Sheikh Muszaphar dan Prof Dr A Rahman A Jamal.

“Kita perlukan kristal ini untuk melihat struktur protein...sekiranya kristal lebih besar, strukturnya lebih tepat...apabila struktur lebih tepat, kita tahu bagaimana protein itu bertindak.

“Justeru, kita boleh menggunakan protein itu untuk menghasilkan enzim industri

yang kita boleh gunakan dalam bahan pencuci, oleochemical, farmaseutikal dan makanan tambahan,” katanya selepas perasmian Bengkel Sains Mikrograviti di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam.

Perasmian disempurnakan Menteri Sains Teknologi dan

Inovasi, Datuk Dr Maximus J Ongkili. Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha, Datin Madinah Mohamad; Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Dr Mustafa Din Subari dan kedua-dua angkasawan negara, Dr Sheikh Muszaphar dan Mejar Dr Faiz Khaled.